

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA  
DI KULIM  
DI NEGERI KEDAH MALAYSIA  
TUNTUTAN NO. : TTPM-K-(B)-38-2022**

**ANTARA**

**SURIATI BINTI MD NAYAN**

**... PIHAK YANG MENUNTUT**

**DAN**

**KRAKEN ART ENTERPRISE**

**.... PIHAK PENENTANG**

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**FAKTA KES**

Pihak yang menuntut pada 09/01/2022 telah berurusan dalam media sosial Instagram atas akaun bernama "Amanah\_Furniture\_my" untuk membeli satu set sofa yang diiklankan berharga RM 2,200.00

PYM telah berhubung dengan seorang individu melalui aplikasi whatsapp untuk tujuan pembelian perabot berkenaan. Setelah memaklumkan persetujuan untuk membeli, PYM memberitahu untuk membuat pembayaran pada sebelah malam tetapi individu berkenaan menyuruh PYM membuat bayaran segera kerana mereka ada barang lain yang

hendak dihantar dan akan masukkan sekali barang yang dibeli oleh PYM. Pym terus membuat pindahan wang secara atas talian ke dalam akaun Maybank atas nama PP sebanyak RM 2,200.00

Selepas PYM membuat bayaran, individu berkenaan telah meminta PYM untuk membuat bayaran tambahan sebanyak RM 1,850.00 bagi bayaran kad jaminan dan wang tersebut akan dikembalikan dalam tempoh 10 minit. PYM telah membuat bayaran tersebut ke dalam akaun BSN atas nama "Syamsinar Binti Jamaluddin".

Seterusnya PYM diminta untuk membuat penambahan wang sebanyak RM 2,150.00 bagi bayaran jaminan penggantian tandatangan. PYM yang mula curiga dan enggan membuat bayaran tambahan seperti yang dipinta. PYM kemudiannya memaklumkan untuk membatalkan pembelian tetapi individu berkenaan menyatakan kepada PYM tidak boleh membuat pembatalan dan bayaran akan dikira hangus.

Dalam usaha untuk mendapatkan kembali wang yang telah dibayar berjumlah RM 4,050.00 PYM telah membuat laporan polis serta carian syarikat ke atas "Kraken Art Enterprise" dan seterusnya memfailkan tuntutan terhadap PP melalui Borang 1.

Pemilik tunggal perniagaan PP telah diserahkan dengan Borang 1 oleh PYM dan telah memfailkan pembelaan dalam Borang 2. Pemilik tunggal PP menyatakan bahawa beliau tiada kaitan dengan akaun Instagram "Amanah\_Furniture\_my" mahupun akaun BSN atas nama "Syamsinar Binti Jamaluddin".

Walau bagaimanapun PP mengakui bahawa ada sejumlah wang yang telah dimasukkan ke dalam akaun Maybank PP oleh beberapa individu yang tidak dikenali atas tujuan yang beliau sendiri tidak pasti. Ini termasuklah wang sebanyak RM 2,200.00 yang telah dipindahkan oleh PYM.

PP telah membuat laporan polis berkaitan hal ini dan seterusnya memaklumkan kepada Maybank tentang transaksi yang mencurigakan ini dan meminta pihak bank untuk memulangkan wang berkenaan kepada individu-individu yang berkenaan. Pihak Maybank seterusnya telah membekukan akaun PP.

### **ISU YANG BERBANGKIT**

- 1) Samada PYM berjaya membuktikan bayaran sebanyak RM 2,200.00 telah dipindahkan ke akaun PP?
- 2) Samada PP bertanggung untuk membayar balik RM 2,200.00 kepada PYM?

### **KEPUTUSAN TRIBUNAL**

Setelah mendengar keterangan dari PYM dan PP, Tribunal mendapati atas imbangan kebarangkalian bahawa PYM telah berjaya membuktikan tuntutan terhadap PP.

PYM telah mengemukakan salinan laporan Polis dan resit pemindahan wang sebanyak RM 2,200.00 ke dalam akaun Maybank milik PP.

Dalam pembelaan Borang 2 dan keterangan PP di hadapan Tribunal serta salinan laporan Polis PP yang turut dikemukakan, adalah jelas terdapat transaksi pemindahan wang sebanyak RM 2,200.00 oleh PYM ke akaun Maybank milik PP.

Untuk tuntutan sebanyak RM 1,850.00 oleh PYM, tiada keterangan yang dikemukakan oleh PYM untuk mengaitkannya dengan PP.

Tribunal berpuashati bahawa akaun Maybank PP telah digunakan oleh “scammer” yang telah berjaya memperdaya PYM untuk memindahkan wang ke dalam akaun tersebut.

Oleh yang demikian Tribunal memberikan Award Borang 10 Selepas Pendengaran seperti berikut :

PP dikehendaki membayar kepada PYM sebanyak RM 2,200.00 dalam tempoh 30 hari dari tarikh serahan Award Borang 10.

Bertarikh: 28 Mac 2022

**HAIRUL AZAM HASSAN**  
**PRESIDEN**  
**TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA**